

B/HARIAN
Kes pencemaran diesel di Sungai Selangor

31/7/19

MS 16

Segera ambil tindakan susulan

Shah Alam: Kerajaan negeri akan mengambil tindakan susulan segera supaya insiden pencemaran diesel di Sungai Selangor tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Izhah Hashim; berkata tindakan itu akan diambil selepas pihaknya menerima laporan lengkap daripada polis berhubung kejadian terbabit.

"Kita akan mendapatkan maklumat terperinci daripada PDRM mengenai siasatan mereka ke atas insiden pencemaran itu sebelum melakukan tindakan selanjutnya.

"Pencemaran sudah berlaku di sungai itu dan kita perlu pastikan ia tidak berulang lagi pada masa akan datang," kata-

nya ketika dihubungi, semalam. Semalam, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador memaklumkan siasatan polis mendapati tiada unsur sabotaj dalam kes pencemaran diesel di Sungai Selangor yang menyen-

babkan empat Loji Rawatan Air (LRA) dihenti tugas, sebaliknya ia membabitkan kecuai-an.

Abdul Hamid berkata, kecuai-an terbabit berlaku ketika pekerja syarikat pembersihan yang

dilantik oleh kerajaan negeri membersihkan Sungai Selangor.

Pada 21 Julai lalu, pencemaran minyak diesel dikesan di muka sauk LRA Fasa 1, 2 dan 3 dan LRA Rantau Panjang dari sumber air mentah di Sungai Selangor.

Susulan itu, semua LRA terbabit terpaksa dihenti tugas secara berperingkat bermula jam 6 petang hingga 8.15 malam sebelum pulih semula secara berperingkat pada keesokan harinya.

Berikutan itu, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, percaya ada unsur sabotaj dalam kes pencemaran itu dan meminta polis menyiasat.

Insiden itu adalah yang kedua dikesan selepas yang pertama membabitkan pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Selangor pada 19 Julai lalu.

Nasional

Kes pencemaran diesel di Sungai Selangor

Kecuaian pekerja jadi punca

Polis dapati tiada unsur khianat operasi empat LRA dihenti tugas

Oleh Safiq Affandy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Siasatan polis mendapati tiada unsur khianat



Keratan akhbar BH, semalam.